

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes jangkitan baharu catat trend penurunan

2,192 kes positif, 3,414 sembuh, enam kematian direkod semalam

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19 menunjukkan trend penurunan apabila sebanyak 2,192 kes dilaporkan semalam, berbanding 3,297 kes direkod kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor kembali mencatatkan kes harian positif tertinggi iaitu 910 kes atau 41.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 742 kes (81.5 peratus) yang dilaporkan di Selangor adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat COVID-19 di lapangan.

"Ia diikuti Kuala Lumpur de-

ngan 303 kes baharu (13.8 peratus) dan Sarawak sebanyak 221 kes (10.1 peratus).

"Sebanyak 109 kes (5.0 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster dalam penjara dan depot tahanan imigresen," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes dilaporkan itu, hanya tiga kes import dilaporkan kerana mendapat jangkitan dari luar negara.

Sementara itu, kluster tahanan katanya, mencatatkan pertambahan kes iaitu Kluster Tembok Tapah (39 kes), Kluster Tembok Bendera (26 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (25 kes) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (sembilan kes).

Beliau berkata, turut mencatatkan pertambahan kes ialah Kluster Tembok Bukit Besi (enam kes), Kluster Tembok Taip (dua kes) dan masing-masing satu kes dalam Kluster Tembok Sungai Udang dan Kluster DTI Sepang 2.

"Pertambahan kes baharu ini menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 32,076 kes," katanya.

Dr Noor Hisham turut mengumumkan enam kes kematian dilaporkan semalam, masing-masing dua kes di Selangor dan satu di Pahang, Johor, Sabah serta Sarawak, menjadikan jumlah kumulatif kematian 1,062 kes.

Katanya, kes kematian itu membabitkan lima warganegara dan seorang warga asing berusia antara 17 hingga 84 tahun yang kebanyakannya menghidap penyakit kronik.

Mengenai lapan kluster baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata tujuh daripadanya berpunca di tempat kerja, manakala satu kluster adalah dalam kalangan komuniti.

"Kluster dalam komuniti yang dikesan ini dikenali sebagai Kluster Emperoh Jambu membabitkan daerah Kuching dan Samarahan di Sarawak.

"Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-271,927) dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Februari lalu hasil saringan sendiri.

"Kluster ini membabitkan satu majlis pengebumian di Kampung Emperoh Jambu, Padawan, Samarahan yang berlangsung di antara 3 hingga 5 Februari lalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini seramai 337 individu disaring dan 60 daripadanya dikesan positif COVID-19.

Bagi kluster di tempat kerja, beliau Hisham berkata, ia dikenali sebagai Kluster Tapak Bina Lombong Timah di beberapa daerah di Selangor seperti Kuala Langat, Petaling dan Klang.

"Ia diikuti Kluster Tapak Bina Jalan Kota (Gombak) menjangkiti 11 kes, manakala Kluster Pasar Jalan Putra (Petaling) menjangkiti sembilan kes dan Kluster Tapak Bina Sungai Batu (Kempas) dengan 25 kes.

"Kluster lain ialah Kluster Sungai Bakong, Sarawak (22 kes), diikuti Kluster Hilir Sungai Kluang (Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Barat Daya, dan Timur Laut di Pulau Pinang) dengan 41 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster terakhir adalah Kluster Industri Sungai Gadut (Seremban, Rembau dan Tampin di Negeri Sembilan) yang merekodkan 65 kes.

Beliau turut memaklumkan sebanyak 3,414 kes sembuh dilaporkan semalam.